

Anwar Semai Politik Dendam Di Kalangan Rakyat Demi Mencapai Cita-Cita Menjadi PM
Bernama
9 May, 2013

BATU PAHAT, 9 Mei (Bernama) -- Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim sanggup menyemai politik kebencian di kalangan rakyat semata-mata untuk menjayakan cita-citanya menjadi perdana menteri.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO r Mohd Puad Zarkashi yang melahirkan kebimbangan terhadap perkara itu berkata, ia menyebabkan rakyat terutamanya golongan muda terperangkap dalam permainan pemimpin PKR itu sehingga ramai yang menolak kerajaan dalam pilihan raya umum ke-13 (PRU13) Ahad lepas.

"Saya agak bimbang dengan keadaan politik pada masa kini dengan DAP membawa politik perkauman manakala Anwar membawa politik 'pecah dan perintah' menyebabkan rakyat terperangkap dengan taktiknya.

"Malah beliau menggunakan taktik sama terhadap PAS tanpa memikirkan kesan politik yang boleh menyebabkan perpecahan di kalangan rakyat pelbagai kaum selain umat Islam di negara ini," dakwa Puad.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat projek penurapan jalan sejauh 270 meter di Kampung Parit Kangkung di Batu Pahat yang beliau janjikan kepada penduduk kampung itu sehari sebelum pilihan raya umum lepas.

Menurut beliau keadaan itu menyebabkan rakyat tidak lagi melihat kepada pembangunan yang selama ini gigih dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebaliknya lebih terpengaruh dengan sentimen perkauman yang tidak rasional yang akhirnya hanya merugikan masa depan negara.

Beliau menyelar Anwar yang masih tidak berpuas hati dengan keputusan PRU13 dengan menuduh berlaku penipuan sedangkan Pakatan Rakyat masih kekal berkuasa di Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang.

"Dia hendak buat 'road show' seperti yang dilakukan Rabu malam di (Stadium) Kelana Jaya (Selangor), kali ini dengan menggunakan slogan 'tipu'. Dah menang di negeri berkenaan masih lagi kata tipu, jadi apakah keputusan pilihan raya di Batu Pahat ini juga tipu?"

"Saya sendiri boleh menerima keputusan pilihan raya kali ini (kalah di Parlimen Batu Pahat) dengan hati terbuka walaupun sedikit dukacita apabila ada pihak-pihak yang menghambur saya dengan kata-kata kesat, malah anak saya darjah empat yang bersekolah di Putrajaya juga balik mengadu apabila cikgu sekolahnya bertanya bila hendak tukar sekolah ke Batu Pahat, bapa awak sudah kalah," katanya.

Namun, menurutnya semua perkara itu tidak akan mematahkan semangatnya untuk terus berkhidmat kepada rakyat di Batu Pahat sebagai Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan Ketua UMNO Bahagian.

Dalam pilihan raya umum lepas, Mohd Puad yang juga bekas Timbalan Menteri Pelajaran kalah kepada calon PKR Mohd Idris Jusi dengan majoriti 1,732 undi.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948652>